



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

FAKULTI MUZIK

**IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN SENI
MUZIK**

**PERSEMBAHAN DIKIR BARAT MODEN DI
KELANTAN**

NORIHAN HASLIZA ABD RAHMAN

NO.ID: 2003431385

KOD PROGRAM: MUE 220

KOD&NAMA KURSUS: EDU650 AKADEMIK PROJEK

NAMA PENYELIA: DR VALERIE ROSS

Isi kandungan**Muka surat****BAB 1 : Pengenalan**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Tujuan kajian	2
1.3	Kepentingan kajian	4
1.4	Skop kajian	4
1.5	Kaedah kajian	5
1.6	Penutup	5

BAB 2 : Sejarah Negeri Kelantan dan Sejarah Dikir Barat

2.1	Pengenalan	7
2.2	Sejarah negeri Kelantan	7
2.3	Lokasi negeri Kelantan	9
2.4	Maklumat asas negeri Kelantan	10
2.5	Latar belakang kebudayaan negeri Kelantan	11
2.6	Sejarah dan asal usul dikir barat	12
2.7	Penutup	16

BAB 3 : Corak Persembahan Dikir Barat Moden di Kelantan

3.1	Pengenalan	17
3.2	Cara persembahan	18
3.3	Persediaan alat-alat muzik	20
3.4	Pakaian	27
3.5	Ahli-Ahli di dalam kumpulan	28
3.6	Lagu dan rentak yang digunakan dalam persembahan	31
	3.6.1 Muzik Dikir Barat	
	3.6.2 Melodi dan Skel	

3.6.3	Irama, Rentak dan Form	
3.7	Penutup	34

BAB 4 : Peranan dan Perkembangan Dikir Barat Moden

4.1	Pengenalan	35
4.2	Peranan	35
4.3	Individu-individu yang banyak memainkan peranan	36
4.4	Penyanyi dan kumpulan dikir barat popular	38
4.5	Kesimpulan	38

BAB 5 : Kit Pengajaran dan Pembelajaran

5.1	Pengenalan	41
5.2	Tujuan	42
5.3	Objektif	43
5.4	Kumpulan Sasaran	43
5.5	Kandungan Kit Pengajaran dan Pembelajaran	43
5.5.1	Modul Kit Pembelajaran	
5.5.2	Rancangan Pelajaran Harian	
5.5.3	Soalan Peperiksaan	
5.6	Penutup	58

Rujukan

Lampiran

Lampiran A	Sampel Skor dan Contoh Lagu	
Lampiran B	Gambar-gambar Sepanjang Sesi Temubual , Latihan dan Persembahan	

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perkataan berdir barat datangnya dari dua kombinasi perkataan iaitu '**Berdir**' dan '**Barat**'. '**Berdir**' ialah satu nyanyian beramai-ramai dengan suara yang nyaring ,mengikut satu rentak yang tertentu. Sudah menjadi resam orang tua di negeri Kelantan mengatakan bahawa sesuatu benda yang asalnya dari luar semenanjung, dibawa masuk adalah datangnya dari 'barat'. Yang dimaksudkan dengan konteks '**Barat**' merujuk kepada empat wilayah di selatan Thailand iaitu Narathiwat, Yala, Patani dan Songkhla. (Mohamad Nor Yatim,Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1992).

Di percayai bahawa Dikir Barat diperkenalkan di Tanah Melayu mulai tahun 1930 oleh anak tempatan iaitu Tuan Haji Mat Salleh b. Haji Ahmad atau lebih dikenali dengan nama Mat Salleh Tape atau (Mat Leh Tape). Gelaran Tape dihujung namanya adalah panggilan mengikut nama sebuah kampung iaitu Tapang. Kemungkinan juga kebudayaan ini diasaskan beliau di Kampung Tape. Terdapat teori yang mengatakan ia dibawa masuk dari Patani yang terletak selatan Siam. Di selatan Siam ia dikenali sebagai dikir karut tetapi disebabkan perkataan karut membawa erti 'tidak benar' menyebabkan masyarakat Kelantan menukar memanggilnya dengan nama dikir barat iaitu merujuk kepada tempat asal dikir itu (Dr Omar Farouk Bajunid, Universiti Malaya, 1997).

Dewasa ini, perkataan dikir bukan lagi merupakan istilah asing bagi masyarakat di Malaysia. Dikir Barat merupakan sejenis permainan yang digemari dan diminati ramai. Ia muncul di kalangan masyarakat biasa di kampung-kampung dan tidak lagi dimainkan di peringkat istana seperti Menora dan Mak Yong. Dikir barat merupakan satu persembahan negeri Kelantan yang disampaikan secara berkumpulan. Setiap kumpulan biasanya diketuai oleh seorang Tukang Karut dan Tok Juara. Tukang Karut dan Tok Juara akan mendahului nyanyian sambil berbalas-balas pantun dan diikuti oleh awak-awak sebagai suara latar dengan suara yang kuat dan lantang.

Di dalam kajian ini, fokus kajian penulis adalah mengenai Dikir Barat Moden di negeri Kelantan. Terdapat banyak perbezaan antara Dikir Barat Asli berbanding dengan Dikir Barat Moden. Memandangkan jarang terdapat bahan berkenaan Dikir Barat Moden, penulis berhasrat untuk membuat kajian yang lebih terperinci berkaitan dengan persembahan ini yang merangkumi sejarah penubuhan, alat-alat muzik yang telah diubah suai dari alat muzik yang asal, kostum dan cara persembahannya. Memandangkan persembahan ini amat popular di negeri Kelantan, penulis membuat kajian ini dengan mengadakan tinjauan di negeri Kelantan serta menemui individu-individu yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan seni Dikir Barat Moden di negeri ini.

1.2 Tujuan Kajian

Projek akademik ini dihasilkan dengan tujuan untuk menambahkan sumber rujukan terhadap seni muzik tradisional, khususnya Seni Persembahan Dikir Barat yang terdapat di Kelantan. Kelantan merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan sejarah